

**Garis panduan Interim Pengurusan Mayat Yang 'Dibawa Mati' oleh Polis bagi Kes-kes Kematian yang Disyaki atau Berkeberangkalian Dijangkiti oleh COVID-19 ( PEMANTAPAN PENGURUSAN PDRM DALAM TATA-URUS MAYAT BERISIKO TINGGI OLEH JANGKITAN KUMAN AMAT BERBAHAYA ).**

*( Interim Guideline For Management of 'Brought In Dead' ( BID ) by Police on The Cases of Suspected COVID-19 Infection )( ENHANCING PDRM ADMINISTRATIVE PROCEDURES ON HANDLING DEAD BODY THAT INVOLVED IN A HIGHLY INFECTIOUS DISEASE ).*

1. **KEPERLUAN PENGLIBATAN POLIS DALAM KES PENYAKIT BERJANGKIT :**

(a) Tugas pihak PDRM dalam menguruskan kes kematian di premis awam ( BUKAN hospital ) ( Brought In Dead ) kemungkinan termasuk kematian yang disyaki mempunyai kaitan dengan kes penyakit berjangkit terutamanya jangkitan COVID-19.

(b) Pihak PDRM perlu memastikan garis panduan yang mantap disediakan untuk keselamatan & kesihatan petugas polis dan orang awam dalam mengurus secara terus 'DIRECT CONTACT' kes-kes tersebut.

(c) Pihak PDRM juga diperlukan apabila pihak perkhidmatan kesihatan perlu "enforced" beberapa seksyen dalam Akta Percegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988. Misalnya dalam memaksa pesakit dan 'contact' pesakit di kuarantin, atau arahan dimasukkan ke hospital. Bantuan PDRM akan diperlukan untuk menahan atau menangkap pesakit yang lari dari wad atau yang enggan dimasukkan ke hospital untuk kuarantin dan sebagainya.

2. **KEPERLUAN PEMAKAIAN ALAT PELINDUNG PERNAFASAN / DIRI ( PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT - PPE ) DI TEMPAT KEJADIAN KEMATIAN ( SCENE OF DEATH ) :**

(a) **LOKASI KEJADIAN 'SCENE'**

Setiba di lokasi kejadian kematian ( apabila mendapat maklumat orang awam ), petugas polis MESTILAH dan PERLULAH terlebih dahulu mendapatkan **Maklumat Asas** daripada ahli keluarga / orang awam ( **Rujuk Lampiran A** ).

**PEMANTAPAN PENGURUSAN PDRM ke atas Mayat yang ‘Dibawa Mati’ oleh Polis**  
bagi Kes-kes Kematian yang Disyaki atau Berkeberangkalian  
oleh **Kuman Berbahaya**

**(b)MAKLUMAT ASAS**

Sekiranya, terdapat **Maklumat Asas** yang positif menjurus ATAU terdapat kesangsian berkait dengan **‘Case Definition’ COVID-19**, pihak polis yang bertugas perlulah dengan bijaksana dan serta-merta :

**(b)(i)** menjauhkan diri / ahli keluarga / orang awam daripada mayat tersebut seberapa segera sekurang-kurangnya 1 meter jauhnya ( TANPA MENUNJUKKAN PERASAAN PANIK ).

**(b)(ii)** hubungi segera pihak Pejabat Kesihatan Daerah ( PKD ) yang terhampir untuk TINDAKAN LANJUT dalam mengendalikan kes-kes yang disyaki berkait dengan COVID-19 ( BAGI MENENTUKAN ‘CASE DEFINITION’ ).

**(b)(iii)** pihak polis yang berada di tempat kejadian perlu “Secure The Scene” dengan meletakkan tanda dan memasang “tape crime scene” dan Established Perimeters ( Inner and Outer Perimeter ) dari mayat tersebut.

**(c)MEMANGGIL PIHAK AMBULANS**

**( Sekiranya pengesahan kematian belum dibuat – dalam kes tertentu )**

**Pihak Ambulans** yang dipanggil juga adalah perlu bagi mengesahkan kematian ( sekiranya pengesahan kematian belum dibuat ). Sekiranya Maklumat Asas adalah positif menjurus/sangsi berkait dengan COVID-19, petugas Jabatan Kecemasan Hospital yang hadir perlulah juga memakai PPE tertentu.

PPE yang disyorkan adalah seperti berikut :

- (i) Dua lapis sarung tangan getah ‘2 Gloves’
- (ii) Penutup muka ( Masks ) atau lebih baik Masks N95
- (iii) ‘Eye Protection’ seperti ‘Goggles’ atau ‘Face Shield’
- (iv) Coveralls with hood
- (v) A plastic long-sleeved apron over the coverall’
- (vi) Shoe Cover

**PEMANTAPAN PENGURUSAN PDRM** ke atas Mayat yang **'Dibawa Mati' oleh Polis**  
bagi Kes-kes Kematian yang Disyaki atau Berkeberangkalian  
oleh **Kuman Berbahaya**

**(d) MEMINDAHKAN MAYAT DARI 'SCENE' KE KENDERAAN VAN MAYAT POLIS**

Adalah perlu anggota polis tidak lagi menyentuh mayat tersebut selepas dipastikan ianya tergolong dalam kategori 'Mayat Berpenyakit Berjangkit atau Disyaki Berpenyakit Berjangkit'.

Menunggu sehingga Pasukan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran ( PPKP ) dari Pejabat Kesihatan Daerah ( PKD ) terdekat tiba untuk membantu memindahkan mayat tersebut ke dalam kenderaan polis untuk dibawa ke Jabatan/Unit Perubatan Forensik Hospital terdekat.

Anggota polis perlu memakai PPE yang disyorkan semasa memindahkan mayat ke kenderaan van mayat polis dengan pengawasan pihak PKD terhampir.

**(e) MENGGUNAKAN 2 LAPISAN 'BODY BAG' DAN DISINFECTAN**

Adalah perlu menggunakan 2 lapisan 'Body Bag' di mana lapisan ke 2 paling luar disapu dengan cecair 'Kloroks' ( Sodium Hypochlorite, dilution 1:1,000 ppm) atau 'disinfectant' seumpamanya. *'Disinfectant' yang disyorkan adalah merujuk kepada 'The Infection and Prevention Control Guiding Principles'.*

**(f) MAKLUM PEGAWAI PERUBATAN HOSPITAL TERHAMPIR DAN PAKAR PERUBATAN FORENSIK NEGERI**

Petugas polis PERLU memaklumkan kes tersebut kepada Pegawai Perubatan di hospital kerajaan yang terhampir ( hospital tanpa Pakar Perubatan Forensik ) ATAU Pakar Perubatan Forensik di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Negeri masing-masing sebelum penghantaran dibuat.

**PEMANTAPAN PENGURUSAN PDRM ke atas Mayat yang ‘Dibawa Mati’ oleh Polis**  
bagi Kes-kes Kematian yang Disyaki atau Berkeberangalian  
oleh **Kuman Berbahaya**

Ini adalah penting untuk keputusan samada, mayat perlu dibawa terus ke Hospital Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan bedahsiasat medikolegal perlu dibuat oleh Pakar Perubatan Forensik ( Hospital Kerajaan yang ada Pakar Perubatan Forensik atau di mana-mana mortuari yang difikirkan munasabah dan selamat, bergantung kepada kemudahan fasiliti makmal, hospital terhampir dengan Pusat Isolasi Negeri, perbincangan melalui ‘Bilik Gerakan Negeri’ dan sebagainya ). Pakar Perubatan Forensik Negeri perlulah dengan seberapa segera yang munasabah untuk berkomunikasi dengan Ketua Perkhidmatan Perubatan Forensik Kebangsaan berkait dengan isu yang tersebut bagi membantu memudahcara perjalanan prosedur dan langkah-langkah keselamatan yang wajar.

**(g)SIASATAN LANJUT & PEMERIKSAAN MAYAT**

Kes-kes kematian yang disyaki ada kaitan dengan covid-19, AMAT PERLU disiasat lanjut. Perbincangan di antara pihak polis dan Pegawai Perubatan hospital tersebut akan dilanjutkan kepada PAKAR PERUBATAN FORENSIK NEGERI yang dirujuk. Sekiranya, pemeriksaan bedahsiasat medikolegal diperlukan, maka ia akan dikawalselia oleh HANYA Pakar Perubatan Forensik yang telah diarahkan kerana ia memerlukan PPE dan kemahiran tertentu.

(h)Sekiranya pemeriksaan bedahsiasat medikolegal diperlukan, UJIAN PENGESAHAN daripada sampel mayat akan diambil terlebih dahulu bagi memastikan samada mayat meninggal dunia ada kaitan dengan covid-19 atau sebaliknya.

**j) Pemeriksaan Mayat melalui bedahsiasat medikolegal akan melalui 2 pilihan iaitu samada :**

**(i)** Pemeriksaan Mayat melalui bedahsiasat medikolegal HANYA akan dilakukan SETELAH KEPUTUSAN MAKMAL DIPEROLEHI TERLEBIH DAHULU dari Institute Medical Research, Kuala Lumpur atau mana-mana Makmal Kerajaan yang diiktiraf oleh KKM.

**ATAU**

**(ii)** Pemeriksaan Mayat melalui bedahsiasat medikolegal BOLEH DENGAN

\*‘PERTIMBANGAN TERTENTU’ DILAKUKAN BERSEKALI DENGAN KETIKA PERSAMPELAN SPESIMEN DIAMBIL ( Keputusan Ujian COVID-19 Masih BELUM Diperolehi ).

**PEMANTAPAN PENGURUSAN PDRM** ke atas Mayat yang **'Dibawa Mati'** oleh Polis  
bagi Kes-kes Kematian yang Disyaki atau Berkeberangkalian  
oleh **Kuman Berbahaya**

\*'PERTIMBANGAN TERTENTU' PERLULAH MENGAMBILKIRA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PETUGAS SERTA KEWAJARAN PEMERIKSAAN MAYAT MELALUI BEDAHSIASAT MEDIKOLEGAL SEBELUM UJIAN PENGESAHAN DILAKUKAN.

Ia juga mengambilkira pertimbangan wajar akan kesegeraan dan permohonan pihak waris dalam pengurusan jenazah berkaitan.

Nota :

Pemeriksaan mayat melalui bedahsiasat medikolegal boleh dilakukan samada melalui PEMERIKSAAN LUARAN SAHAJA ATAU PEMERIKSAAN MENYELURUH ( LUARAN & DALAMAN )  
( Ia merujuk kepada Keperluan Undang-undang – Criminal Procedure Code Section 328 ).

**SEKIRANYA UJIAN PENGESAHAN COVID-19 ADALAH POSITIF :**

Pakar Perubatan Forensik yang diarah untuk menjalankan bedahsiasat medikolegal BOLEH menjalankan pemeriksaan LUARAN sahaja ( Secara pilihan berdasarkan kepada risiko jangkitan yang amat berbahaya dan faktor-faktor risiko lain ).

Pakar Perubatan Forensik yang diarah juga BOLEH menjalankan pemeriksaan MENYELURUH ( Namun, perbincangan dengan Pakar Perubatan Forensik Negeri dan Ketua Perkhidmatan Perubatan Forensik Kebangsaan perlulah diperolehi bagi memantau dan memudahcara sebarang keperluan pemeriksaan menyeluruh kes tersebut ).

**SEKIRANYA UJIAN PENGESAHAN COVID-19 ADALAH NEGATIF :**

Maka bedahsiasat medikolegal akan dilakukan mengikut tatacara biasa oleh pegawai perubatan/pakar yang terlibat.

3.

**KEPERLUAN PROSEDUR DEKONTAMINASI KENDERAAN VAN MAYAT  
POLIS :**

(a)Setelah kenderaan van mayat polis telah selesai digunakan, ia perlulah di-dekontaminasi; di hospital yang dirujuk ( Mohon bantuan dan kerjasama PKD berhampiran ). Disyorkan agar cecair 'Kloroks' ( Sodium Hypochlorite, dilution 1:1,000 ppm ) atau 'disinfectant' seumpamanya digunakan. Namun, Sekiranya terdapat lelehan cecair yang nyata, bolehlah membuat bancuhan Sodium Hypochlorite, dilution 1:10,000 ppm (*'Disinfectant' yang disyorkan adalah merujuk kepada 'The Infection and Prevention Control Guiding Principles'*).

4.

**KEPERLUAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN ( PPKP )  
MENJALANKAN AKTIVITI DEKONTAMINASI DI PREMIS KEMATIAN :**

(a)Setelah mayat telah dipindahkan ke kenderaan van mayat polis untuk dihantar ke hospital kerajaan berhampiran; maka PREMIS KEMATIAN AMAT PERLU didekontaminasi. Disyorkan agar cecair 'Kloroks' ( Sodium Hypochlorite, dilution 1:1,000 ppm ) atau 'disinfectant' seumpamanya digunakan. Namun, Sekiranya terdapat lelehan cecair yang nyata, bolehlah membuat bancuhan Sodium Hypochlorite, dilution 1:10,000 ppm ( *'Disinfectant' yang disyorkan adalah merujuk kepada 'The Infection and Prevention Control Guiding Principles'* ).

(b)Aktiviti ini akan dilakukan oleh pihak PPKP.

(c)Bantuan pihak polis untuk memastikan premis dikawal dengan baik supaya ia tidak menimbulkan panik oleh orang ramai; sepanjang proses tersebut.

(e)Nasihat lanjut 'Contact Tracing' atau aktiviti-aktiviti pengawalan penularan jangkitan kuman di premis ( jika perlu ) akan dilakukan oleh PPKP.

-SELESAI-

**CHECK-LIST SOALAN BAGI KES KEMATIAN SUSPEK AKIBAT COVID-19**

Sila dapatkan bantuan Pejabat Kesihatan Daerah tentang 'Case Definition'  
samada jenazah berkait dengan COVID-19 ataupun tidak.

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| 1. DEMAM   | <input type="checkbox"/> |
| 2. SELSEMA   | <input type="checkbox"/> |
| 3. BATUK   | <input type="checkbox"/> |
| 4. SESAK NAFAS   | <input type="checkbox"/> |
| 5. SEJARAH MELAWAT NEGARA BERIKUT DALAM TEMPOH 14 HARI   | <input type="checkbox"/> |
| a. CHINA   |                          |
| b. ITALY   |                          |
| c. IRAN  |                          |
| d. KOREA SELATAN   |                          |
| e. JEPUN   |                          |
| 6. KONTAK RAPAT DENGAN PESAKIT YANG POSITIF COVID-19   | <input type="checkbox"/> |
| 7. SEJARAH PENYAKIT / MASALAH KESIHATAN<br>eg. KENCING MANIS, DARAH TINGGI, KANSER DSB.  | <input type="checkbox"/> |
| 8. PERNAH MENGHADIRI MAJLIS KERAMAIAAN / KEAGAMAAN<br>eg. IJTIMAK TABLIGH DI MASJID SERI PETALING<br>( 27 FEBRUARI HINGGA 1 MAC 20 ) | <input type="checkbox"/> |
| 9. JENAZAH ADALAH PESAKIT YANG DIARAHKAN UNTUK DIKUARANTIN<br>OLEH PIHAK BERKUASA KESIHATAN  | <input type="checkbox"/> |
| 10. APA-APA MAKLUMAT LAIN YANG PERLU.  |                          |